

Hipoteks sebagai idea penggaluran naratif dalam novel berunsur sejarah *Tun Tuah*

Hypotext as an Idea of Narrative Flow in Historical Novel Tun Tuah

Mohd Haniff Mohammad Yusoff
haniffyusoff25@gmail.com

Rohaya Md Ali
aya@uum.edu.my

Phat a/l Awang Deng
phat@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

Received: 24 September 2020; Accepted: 15 December 2020; Published: 29 December 2020

To cite this article (APA): Mohammad Yusoff, M. H., Md Ali, R., & Awang Deng, P. (2020). Hipoteks sebagai idea penggaluran naratif dalam novel berunsur sejarah Tun Tuah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 97-107. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.8.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.8.2020>

ABSTRAK

Jurai kesusasteraan tanah air tidak terlepas daripada melalui proses pengembangan yang panjang. Teks sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* lahir dalam memerihalkan kehidupan serta kebudayaan masyarakat di samping mendokumentasikan peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku pada masa lampau. Marcapada, novel berunsur sejarah pula lahir dalam memerihalkan peristiwa sejarah dari perspektif pengarang pada zaman semasa. Makalah ini menumpukan penelitian terhadap hubungan antara peristiwa yang terkandung dalam hipoteks sejarah sebagai pembinaan naratif dalam penulisan novel. Novel berunsur sejarah *Tun Tuah* karya Affifuddin Omar dan naskhah *Sejarah Melayu* edisi Shellabear dibataskan sebagai teks kajian bagi memperkhususkan penelitian dan memberi fokus pada objektif penelitian yang hendak dicapai. Penelitian ini bersifat pendekatan kualitatif yang memerlukan pembacaan rapi terhadap kedua-dua buah naskhah yang terlibat sebelum menjalankan analisis kandungan dan diuraikan secara deskriptif. Tuntasnya, sebagai sebuah novel berunsur sejarah, novel *Tun Tuah* menyerap peristiwa-peristiwa yang pernah dikisahkan dalam naskhah hipoteks sejarah, iaitu *Sejarah Melayu*, namun dengan sentuhan baharu oleh pengarang. Pengarang menjadikan teks *Sejarah Melayu* sebagai sumber pembinaan naratif dalam novel *Tun Tuah*. Penelitian terhadap novel *Tun Tuah* menemukan kecenderungan Affifuddin Omar sebagai pengarang dalam menggembelng teks *Sejarah Melayu* sebagai strategi kepengarangannya.

Kata Kunci: Hipoteks; novel sejarah; naratif; kepengarangan

ABSTRACT

The literature of the country not missing from through a long process of expansion. The historical text such as *Sejarah Melayu* told about the society culture and documented the historical incidents that happened during the past. Today, historical novel is that based on the author perspectives of the current events. This paper focus on the relationship between events contained in historical hypotexts as narrative construction in novel writing. *Tun Tuah*, a historical novel written by Affifuddin Omar and *Sejarah Melayu* of Shellabear W.G. edition are limits of research text which to specialize the research and to focus on to be achieved research objectives. This study is conducted in qualitative approach that requires a thorough reading of the two involve manuscripts before conducting content analysis and described descriptively. Conclude, as a historical novel, *Tun Tuah* absorb the events that told by historical hypotexts which is *Sejarah Melayu* but with the author's new perspective. *Sejarah*



Melayu has become the author's source of narrative construction in Tun Tuah novel. Research on novel Tun Tuah find Affifuddin Omar's tendency as the author that mobilize the Sejarah Melayu text as an authorship strategy.

Keywords: Hypotext; historical novel; narrative; authorship

PENGENALAN

Teks-teks tradisional menjadi pilihan para pengarang sebagai sumber pencerekaan dalam menyampaikan wacana menerusi karya sastera. Kecenderungan pengarang dalam mengemukakan peristiwa sejarah yang pernah dikisahkan bukanlah bertujuan untuk mengubah sejarah, tetapi pengarang menghadirkan idea, tanggapan serta tafsiran tersendiri dalam mengemukakan pencerekaan yang baharu menurut perspektif pengarang. Naskah tradisional memainkan peranan yang signifikan dalam mengemukakan idea terhadap pembinaan naratif novel berunsur sejarah. Pembicaraan wacana yang rencam serta keelokan akal budi masyarakat Melayu yang diruturkan menjadi daya tarikan untuk terus ditaakul, ditafsir pemikirannya dan dipersembahkan semula dengan suasana baharu dalam karya-karya fiksi. Ideologi sebagai gagasan idea serta pemikiran yang terpakai dan dikedepankan oleh kelompok tertentu bukanlah sesuatu yang abstrak semata-mata, melainkan ia mempengaruhi dan membentuk cara berfikir, bertindak, malah cara kita bervisi juga berimajinasi (Azhar Ibrahim, 2017).

Kecenderungan ini turut dikenal pasti dalam perkembangan kesusasteraan di Singapura. Mawar Safei (2005) mengenal pasti pengarang di Singapura tidak terlepas daripada mengemukakan hubungan antara teks dengan teks, iaitu merujuk beberapa hipoteks sebagai sumber dalam penghasilan karya. Kecenderungan ini menemukan empat jenis sumber rujukan yang dimaksudkan, iaitu (i) teks tradisional (ii) teks awal pengarang sendiri (iii) teks pengarang lain dan (iv) teks bukan kreatif. Secara tidak langsung proses ini menyumbang kepada sumber idea serta teknik dalam pengkaryaan. Proses intertekstual dalam pengkaryaan menjadi pilihan pengarang dalam menyampaikan idea, pemikiran serta interpretasi masing-masing melalui karya sastera (Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat a/l Awang Deng, 2020). Setiap pengarang akan tampil dengan pemikiran yang berbeza biarpun menjadikan hipoteks sebagai sumber idea dalam mengolah naratif, lantas dicerminkan melalui karya kesusasteraan yang menjadi wahana penyampaian kritikan, sindiran mahupun saranan.

KONSEP NARATIF

A. Rahim Abdullah (2008), mengemukakan pandangan bahawa pembicaraan terhadap karya-karya fiksi moden juga tidak terlepas daripada menyentuh struktur naratif terutama plot. Elemen-elemen yang mendukung struktur pembinaan naratif mempunyai kepentingan dalam membentuk sebuah karya yang unggul. Pengarang juga perlu menguasai asas ini sebelum digabungkan dengan teknik kepengarangan yang dimiliki untuk menghasilkan karya yang menggugah. Menurut S.M. Zakir (2014), pengarang diibaratkan sebagai seorang dalang yang menggerakkan patung-patung wayangnya mengikut peristiwa-peristiwa sama ada yang terakam sebagai teks di atas kertas atau naratif di dalam kepalanya. Setiap karya sastera didukung komponen naratifnya yang tersendiri berdasarkan penghasilan idea pengarang, seterusnya disusun atur dan diperindah oleh pengarang. Abdul Rahman Napihah (2007), menyatakan naratologis biasanya akan membahaskan aspek dan komposisi penceritaan yang segala aspeknya dicernakan dalam sebuah struktur untuk meneliti rentetan peristiwa yang bergerak secara logik atau abstrak sambil membahaskan aspek wacana strukturnya.

Pengarang bertanggungjawab dalam menyampaikan pemikiran melalui pengkaryaan dengan menghasilkan sebuah naratif atas kebijaksanaan serta kreativiti kepengarangan yang dimiliki. Talib Samat (2020), mempercayai unsur naratif atau turut dikenali sebagai alat-alat naratif, iaitu tema, latar, watak, plot, sudut pandangan dan bahasa akan membentuk strategi naratif, selanjutnya membantu pengarang menyempurnakan hasratnya dalam berkarya dengan teknik naratif yang dikuasainya. Secara tuntasnya, naratif merupakan penghasilan gabungan antara alat-alat naratif seperti tema, latar, watak, plot, sudut pandangan serta bahasa, lantas membentuk sebuah perwacanaan yang diilhamkan





daripada idea pengarang. Menerusi penelitian ini, alat-alat naratif yang difokuskan hanya melibatkan tema, watak, plot dan gaya bahasa.

SOROTAN KAJIAN DALAM PEMBICARAAN TENTANG NARATIF

Menyorot kajian lampau, terdapat begitu banyak kajian yang telah dilaksanakan oleh para sarjana dalam meneliti perspektif naratif dari pelbagai aspek dan juga medium. Kajian-kajian yang dimaksudkan meliputi kajian-kajian oleh Norazimah Zakaria (2018), Nur Elyana Madah dan Zairul Anwar Md Dawam (2017), Auni Ismail, Zairul Anuar Md Dawam dan Sim Chee Cheang (2017), Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2016) serta kajian Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016).

Pembicaraan tentang naratif tidak terkecuali dalam menggeledah struktur yang membentuk pencerekaan filem. Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2016), dalam penelitian yang dilaksanakan merumuskan naratif filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* begitu longgar terutama dari aspek kesinambungan peristiwa yang dikemukakan. Elemen sebab akibat pula kurang jelas dalam menghubungkan watak protagonis pada awal penceritaan sehingga ke penghabisan. Seterusnya, Auni Ismail, Zairul Anuar Md Dawam dan Sim Chee Cheang (2017), menyelongkar naratif dalam pembikinan filem *The Journey*. Pengkaji menemukan elemen subteks yang dikemukakan dalam filem ini menghadirkan kesan yang positif dalam menarik minat audiens untuk menonton. Kajian oleh Nur Elyana Madah dan Zairul Anwar Md Dawam (2017), pula menganalisis struktur naratif filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang telah diadaptasi dari sebuah novel tersohor karya Hamka. Analisis struktur naratif filem ini disaring berpanduan struktur naratif yang diperkenalkan oleh Blake Synder. Hasil dapatan yang diperolehi, pengkaji menjelaskan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* memiliki struktur naratif yang tersusun yang diwakili perkembangan watak dan konflik serta mengutarakan sebab dan akibat yang jelas.

Norazimah Zakaria (2018), tidak terlepas dalam mengungkapkan wacana naratif dalam menggembleng penulisan akademiknya. Pengkaji menyorot kepengarangan A. Halim Ali sebagai salah seorang pengarang tanah air. Teori Teksdealisme yang dianjurkan Mana Sikana mendukung perjalanan analisis penelitian ini. Pada pengakhirannya, pengkaji mengklasifikasikan A. Halim Ali sebagai seorang pengarang yang telah mencapai tahap keunggulan dalam pengkaryaan apabila melakukan penentangan di luar batas kebiasaan terhadap diksi dalam penulisan puisi moden. Selanjutnya, kajian oleh Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016), mempersembahkan sebuah kajian yang meneliti jenis retorik dan elemen retorik yang menjadi pilihan pengarang dalam menghasilkan sebuah naratif sesebuah novel. Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), menjadi tunjang dalam proses analisis teks yang dijalankan. Tuntasnya, pengkaji mendapati pengarang memanfaatkan bahasa figuratif dalam menghasilkan sebuah naratif bagi novel *Orang Kota Bharu*.

Berdasarkan pengamatan terhadap kajian-kajian lepas, pembicaraan tentang naratif sememangnya tidak asing lagi. Walau bagaimanapun, kajian terhadap naratif novel berunsur sejarah yang bersandarkan pada teks sastera sejarah masih dalam kelompok skala yang kecil. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis struktur naratif yang terkandung dalam novel berunsur sejarah *Tun Tuah* yang dikarang oleh Affifudin Omar. Novel *Tun Tuah* tampil dengan suasana baharu dalam mewacanakan pencerekaan adiwira tersohor dalam kalangan masyarakat Melayu, iaitu Hang Tuah. Novel ini memperincikan perwatakan positif seorang adiwira bangsa yang mencakupi sebagai seorang pahlawan yang terbilang, penasihat raja yang begitu dipercayai, seorang sahabat yang mempunyai nilai setia kawan yang tinggi serta seorang diplomat yang begitu dihormati. Oleh yang demikian, atas kapasiti karakter unggul yang ditonjolkan oleh pengarang menerusi watak utama, naratif novel *Tun Tuah* sewajarnya digeledah, lalu diuraikan secara deskriptif.





METODOLOGI KAJIAN

Penelitian ini memanfaatkan pendekatan kualitatif dengan menyantuni kaedah analisis kandungan dengan menjurus kepada dua teks yang difokuskan, iaitu teks *Sejarah Melayu* versi Shellabear dan novel *Tun Tuah* karangan Affifudin Omar. Othman Lebar (2013), berpendapat penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang menghasilkan dapatan kajian bukan melalui prosedur statistik atau berbentuk pengiraan. Kedua-dua teks dibaca berulang kali dengan teliti bagi mengetahui dan memahami alur penceritaan kedua-duanya. Bagi memperjelaskan kronologi penceritaan, pengkaji menghasilkan jadual kronologi peristiwa kedua-dua teks (seperti **Jadual 1**) bagi memudahkan perbandingan antara kedua-dua teks tersebut. Seterusnya pengkaji mengenal pasti tema, watak, plot dan gaya bahasa yang dikemukakan, lantas diperjelaskan secara deskriptif mengenai penelitian yang dilaksanakan. Pengkaji dapat mengenal pasti bahawa pengarang secara tidak langsung menyerap beberapa aspek naratif yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* sebagai struktur pembinaan naratif dalam novel *Tun Tuah*.

PENCERAKINAN ASPEK NARATIF DALAM NOVEL *TUN TUAH*

Tema

Sesebuah karya kreatif akan membawa suara pengarang untuk disampaikan kepada khalayak pembaca. Secara tidak langsung, setiap karya akan mengemukakan persoalan utama yang hendak diketengahkan kepada khalayak pembaca. Tema merupakan pusat pemikiran pengarang yang dibincangkan secara dominan dalam sesebuah karya kreatif yang dihasilkan. Berikut merupakan definisi tema yang diungkapkan menerusi *Glosari Istilah Kesusasteraan*;



Idea atau persoalan pokok atau idea yang mengawal sesebuah karya sastera. Dalam karya prosa yang bukan cereka, tema mungkin dianggap sebagai persoalan umum dalam perbincangan, bahan karangan ataupun yang disebut sebagai tesis. Tetapi dalam cereka, tema itu menjadi panduan bagi pengarang memilih bahan-bahan dalam cerita itu dan menyusunnya. (hlm. 334)



Novel *Tun Tuah* secara keseluruhannya membawa tema ketokohan seorang pahlawan zaman Kesultanan Melayu Melaka yang begitu berpengaruh dalam masyarakat Melayu, iaitu Hang Tuah. Keperibadian Hang Tuah yang dinamai sebagai Tun Tuah dalam novel ini sebagai seorang pahlawan diserlahkan dengan tanggungjawab yang diberikan Sultan sebagai ketua angkatan perang dan seorang diplomat bagi mewakili kerajaan Melaka untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan kerajaan-kerajaan dan kuasa-kuasa dunia yang lain ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tema yang diketengahkan begitu signifikan dalam memberi pengajaran serta menjadi suri teladan kepada pembaca. Watak Tun Tuah menjadi saluran dalam menonjolkan tema yang diketengahkan melalui watak, perwatakan serta keperibadian Tun Tuah itu sendiri yang digambarkan oleh pengarang.

Watak

Watak memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan plot penceritaan. Marjorie Boulton (1975), memperincikan gambaran watak dalam sesebuah novel haruslah menyerupai manusia realistik yang berhadapan dengan sebarang permasalahan, mempunyai taraf pendidikan yang tertentu, mengalami persoalan-persoalan tentang kehidupan, bersifat rendah diri dengan keadaan sopan santun dan kecergasan atau kekebalan seperti kebanyakan watak manusia dalam alam realiti. Watak utama dalam novel *Tun Tuah* ialah Tun Tuah. Tun Tuah diangkat sebagai watak yang begitu dominan dalam novel ini berbanding watak-watak lain yang diciptakan pengarang. Tun Tuah digambarkan pengarang begitu berperanan sebagai ketua angkatan perang, ketua rombongan meminang bagi mewakili sultan Melaka, ketua delegasi ke negara luar dalam menjalinkan hubungan persahabatan dan sebagainya sehingga menimbulkan perasaan cemburu dalam kalangan pegawai istana yang lain kerana sering



diberikan perhatian oleh baginda sultan. Menurut Mana Sikana (2003), dalam memerihalkan sifat watak, terdapat dua perkara yang penting, iaitu dari segi fizikalnya dan yang kedua dari segi jasmaninya. Menerusi novel *Tun Tuah*, pengarang tidak ketinggalan dalam memerihalkan fizikal dan jasmani Tun Tuah seperti petikan berikut;

Umur Tuah lima sahabat kini telah mencapai dua puluh enam tahun. Badan mereka bertambah sasa hasil beriadah dan berlatih ilmu persilatan tiap-tiap pagi selepas selesai solat subuh yang disertai kuliah ilmu dan zikir-zikirnya sekali. Rupa kelima mereka bertambah kacak dan menjadi idaman wanita-wanita Melaka. (hlm. 58)

Plot

Plot didefinisikan sebagai struktur kesinambungan peristiwa berdasarkan hukum sebab akibat (Krishanan Manian, 1993). Berikut dipersembahkan perbandingan kronologi pengkisahan antara *Sejarah Melayu* dengan novel *Tun Tuah*;

Jadual 1: Perbandingan kronologi pengkisahan antara *Sejarah Melayu* dan novel *Tun Tuah*

<i>Sejarah Melayu</i>	<i>Tun Tuah</i>
Sultan Muzaffir Syah mangkat dan digantikan anaknya Raja Abdullah dengan gelaran Sultan Mansur Syah	Sultan Muzafar Syah mangkat dan diganti Sultan Mansur Syah
Sultan Mansur Syah menghantar rombongan meminang Raden Galoh Cendera Kirana	Rombongan Melaka ke Majapahit meminang Raden Galoh Cendera Kirana
Hang Tuah difitnah bermukah dengan dayang dan dijatuhkan hukuman dibunuh	Patih Kerma Wijaya menfitnah Tun Tuah
Raja China didatangi penyakit kedal anjing	Bendahara Tun Perak mencadangkan air basuhan kaki sultan sebagai penawar penyakit kulit Maharaja Cina
Isteri Tun Biajid diceraikan	Tun Biajid menceraikan isterinya yang bermukah dengan sultan.
Raja Menawar, anak Sultan Alauddin dirajakan di Kampar	Raja Menawar, cicit Permaisuri Tua dihantar ke Kampar dan dirajakan di sana

Beberapa peristiwa yang terkandung dalam naskhah sastera sejarah *Sejarah Melayu* turut terkandung dalam novel *Tun Tuah*. Peristiwa-peristiwa ini menjadi sebahagian daripada idea penulis dalam memperkembangkan jalan cerita yang terkandung dalam novelnya. Misalnya penulis menyentuh tentang perspektif sistem beraja dalam Kesultanan Melayu Melaka itu sendiri. Sistem beraja yang diamalkan ialah sistem beraja mutlak, di mana sultan mempunyai kuasa tanpa sekatan dalam segala bidang.

Penulis telah mengemukakan peristiwa pewarisan takhta yang berlaku dalam era Kesultanan Melayu Melaka. Pewarisan takhta berlaku apabila kemangkatan seseorang sultan dan selalunya diwariskan kepada anakanda baginda. Gambaran tentang peristiwa ini ditonjolkan seperti berikut dalam kedua-dua naskhah yang diteliti;

Jadual 2: Peristiwa pewarisan takhta

Hipoteks Sejarah: <i>Sejarah Melayu</i>
Setelah 42 tahun lamanya Sultan Muzaffir Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. (hlm. 94)
Novel <i>Tun Tuah</i>
Pada tahun masihi 1453, Sultan Muzafar Syah mangkat. Baginda diganti oleh anakanda baginda yang ditakhtakan sebagai Sultan Mansur Syah. (hlm. 58)

Kemangkatan Sultan Muzaffir Syah telah dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* dan legasi pemerintahan dalam Kesultanan Melayu Melaka diteruskan dengan perlantikan anakanda baginda, iaitu Raja Abdullah dengan gelaran Sultan Mansur Syah. Penulis memanfaatkan peristiwa ini dalam novel *Tun*

Tuah dan peristiwa ini ditandai dengan kemangkatan Sultan Muzafar Syah dan digantikan dengan anakanda baginda yang bergelar Sultan Mansur Syah dalam novel *Tun Tuah*.

Selain menonjolkan peristiwa pewarisan takhta dalam sesebuah kerajaan yang diperintah, penulis turut merakamkan peristiwa merajakan seseorang yang berketurunan diraja di sesuatu tempat yang masih belum mempunyai raja sebagai pemerintah. Peristiwa ini merujuk kepada petikan di bawah;

Jadual 3: Peristiwa penabalan pemerintah Kampar

Hipoteks Sejarah: Sejarah Melayu
Arakian, maka Raja Menawar anak Sultan Alauddin itu pun besarlah. Maka oleh Sultan Alauddin anakanda baginda itu dirajakan baginda di Kampar, dinobatkan dahulu di Melaka; dan segala hulubalang menteri semuanya menghadap nobat, melainkan Bendahara Paduka Raja juga tiada menghadap nobat. (hlm. 183)
Novel Tun Tuah
Raja Menawar dihantar ke Kampar, Sumatra, menjadi sultan di sana. (hlm. 296)

Raja Menawar yang juga merupakan anak Sultan Alauddin telah ditabalkan sebagai sultan di Kampar dengan gelaran Sultan Menawar Syah. Walau bagaimanapun, pengarang menyampaikan peristiwa ini dalam versi yang berbeza berbanding yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Hal ini merujuk kepada peristiwa merajakan Raja Menawar di Kampar ketika Sultan Alauddin masih menjadi pemerintah Melaka dan dalam novel *Tun Tuah*, Raja Menawar dirajakan di Kampar setelah Sultan Alauddin mangkat.

Seterusnya, peristiwa Sultan Mansur Syah yang berkeinginan untuk memperisterikan seorang puteri dari Majapahit yang dikhabarkan begitu cantik paras rupanya, malah beberapa orang raja telah datang meminang tetapi ditolak betara Majapahit. Sultan telah menitahkan persiapan dilakukan untuk menghantar rombongan meminang ke Majapahit.

Jadual 4: Peristiwa rombongan meminang puteri Majapahit

Hipoteks Sejarah: Sejarah Melayu
Maka baginda memberi titah kepada Baginda Paduka Raja menyuruh berlengkap. Maka Bendahara pun mengarahkan semuanya orang berlengkap dan membaiki alat akan pergi, lima ratus banyaknya perahu yang besar-besar, lain perahu yang kecil-kecil tiada terbilang lagi; ... (hlm. 111)
Novel Tun Tuah
Mendam Berahi mengembangkan layar-layarnya pada pagi Jumaat, menuju ke Majapahit, diiringi lima puluh buah kapal layar berbagai jenis seperti jenis dendang yang sederhana besarnya, lancang agak kecil sedikit tetapi boleh bergerak pantas, dan lading yang terkecil digunakan untuk menyerang jarak dekat. (hlm. 134)

Persiapan rombongan meminang Raden Galoh Candra Kirana dibuat secara besar-besaran dan rapi. Rombongan ini menunjukkan kekuasaan seorang pembesar berketurunan diraja yang ingin meminang seorang puteri dari sebuah kerajaan, iaitu Majapahit. Walau bagaimanapun, penulis memanipulasi peristiwa ini melalui jenis dan bilangan pengangkutan yang mengiringi rombongan peminangan ini ke Majapahit.

Penulis juga mengangkat sikap Sultan Mahmud yang cepat murka dan sikap ini mencerminkan kekebalan kuasa yang dimiliki golongan diraja dan tiada peruntukan dalam perundangan yang membataskan kuasa mereka. Sikap pemerintah yang menjatuhkan hukuman tanpa pertimbangan yang adil dan sifat kemanusiaan dizahirkan dalam naskhah-naskhah yang diteliti seperti berikut;

Jadual 5: Peristiwa Seri Bija Diraja yang tidak mengadap baginda sultan pada hari raya

Hipoteks Sejarah: Sejarah Melayu
Arakian, pada sekali Hari Raya, Seri Bija Diraja tiada mudik dari Singapura. Sudah Hari Raya, maka Seri Bija Diraja datang. Maka Sultan Mahmud pun murka akan Seri Bija Diraja. Maka titah Sultan Mahmud, “Apa sebabnya maka Seri Bija Diraja lambat datang? Tiadakah Seri Bija Diraja tahu akan adat?” (hlm. 199)
Maka disuruh baginda bunuh. Maka kata Seri Bija Diraja pada orang yang hendak membunuh itu, “Apa dosa hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan? Kerana salah hamba sedikit inilah hamba hendak dibunuh?” (hlm. 199)
Novel Tun Tuah
Justeru apabila baharu sahaja menaiki takhta, baginda menghukum mati ke atas Seri Bija Diraja yang tidak datang menyembahnya pada hari raya. Peristiwa ini mengejutkan Bendahara Tun Perak yang ketika itu sedang sakit. (hlm. 298)

Sultan Mahmud telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Seri Bija Diraja kerana tidak mengadap baginda pada hari raya. Kemurkaan Sultan Mahmud juga didorong oleh perasaan cemburu Sultan Mahmud terhadap kakandanya yang berada di Kampar. Kenyataan ini merujuk kepada sebuah petikan yang terdapat dalam Sejarah Melayu seperti berikut;

Maka sembah Seri Bija Diraja, “Maka patik lambat mudik, patik sangka bulan belum timbul petang itu; maka alpalah patik, melainkan ampun duli tuanku juga.”

Maka titah Sultan Mahmud, “Tahulah kita akan kehendak Seri Bija Diraja, tiada suka bertuankan kita, hendak bertuankan abang yang di Kampar.” (hlm. 199)

Seterusnya, figura Hang Tuah merupakan watak yang begitu penting dalam sastera sejarah. Hang Tuah menjadi suri teladan kepada masyarakat terutamanya dalam alam Melayu. Penulis turut menyisipkan peristiwa Hang Tuah difitnah dalam novel *Tun Tuah*. Peristiwa ini membuatkan sultan begitu murka kepada Hang Tuah yang selama ini begitu dipercayainya. Peristiwa ini digambarkan seperti petikan-petikan yang berikut;

Jadual 6: Peristiwa Hang Tuah difitnah

Hipoteks Sejarah: Sejarah Melayu
Setelah itu datanglah hajattul baligh akan Hang Tuah. Maka Hang Tuah pun dibuatkan orang fitnah, dikatakan ia berkehendak dengan seorang dayang-dayang raja. Maka Sultan pun terlalu murka akan Hang Tuah, disuruh bunuh pada Seri Nara Diraja. (hlm. 119)
Novel Tun Tuah
Maka Patih Kerma Wijaya bersama tiga pegawai istana lantas menghadap Sultan menceritakan bagaimana Tun Tuah telah mengambil kesempatan bermukah dengan beberapa orang gundeknya, termasuk gundek kesayangannya. Untuk menambahkan lagi keyakinan Sultan ke atas cerita mereka, dihempas-hempaskan destar mereka tanda marah terhadap Tun Tuah. (hlm. 209)

Keakraban Hang Tuah dengan Sultan begitu dicemburui sehinggakan Patih Kerma Wijaya sanggup memfitnah Hang Tuah. Kesan daripada fitnah yang dilakukan. Sultan begitu murka dan mempercayai kata-kata Patih Kerma Wijaya sehingga sanggup menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Hang Tuah.

Gaya Bahasa

Rahman Shaari (1953), berpendapat gaya bahasa ialah berdasarkan pilihan. Jika seseorang tidak memilih cara menyampaikan pemikirannya, maka karyanya tidak bergaya. Walau bagaimanapun, keadaan ini adalah mustahil untuk berlaku terutama dalam penulisan kreatif. Oleh yang demikian, selalunya penulis akan memilih gaya bahasa yang diinginkan dan setiap penulis mempunyai gaya bahasanya yang tersendiri yang mampu menonjolkan kepengarangannya. Melalui novel *Tun Tuah*, penulis menyelitkan bahasa istana seperti petikan berikut;



“Ampun Tuanku!” sembah Tuah, “Ujian kedua yang dikenakan kepada kita telah ditewaskan. Patik fikir tak perlulah kita pulang pada malam ini, walaupun angkatan kita sudah bersiap siaga untuk berangkat!” (*Tun Tuah*:160)

Bahasa istana diungkapkan apabila berlangsungnya percakapan dalam kalangan kerabat diraja, mahupun ketika hendak bertutur dengan golongan diraja. Berdasarkan petikan di atas, bahasa istana dikenal pasti pada penggunaan kata ganti nama diri ‘patik’ yang digunakan oleh Tun Tuah sebagai kata ganti nama diri pertama ketika berbicara dengan raja.

PERBINCANGAN

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengarang telah melakukan pemilihan ke atas pengalaman-pengalaman yang hadir dalam pemikirannya untuk menghasilkan sebuah wacana, iaitu penulisan novel. Pengalaman yang dimaksudkan ialah pengalaman pembacaan terhadap naskhah hipoteks *Sejarah Melayu* yang menawarkan idea serta menggerakkan imaginasi. Pengarang telah memilih tema, watak, plot dan gaya bahasa yang sesuai untuk mengungkapkan idea dan kepengarangannya. Novel ini mengangkat ketokohan seorang adiwira yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, tema yang ditonjolkan masih seputar tentang keperibadian dan kepewiraan tokoh tersebut. Namun, melalui perwatakannya dalam novel *Tun Tuah*, pengarang memperkemaskini perwatakan watak adiwira ini dengan seorang yang berpegang teguh pada ajaran Islam. Tun Tuah tidak mudah patuh kepada adat, perintah atau sistem yang direkaciptakan dalam kalangan masyarakat semata-mata yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pengarang turut memilih watak-watak yang terdapat dalam naskhah sastera sejarah *Sejarah Melayu* seperti Sultan Mansur Syah, Raja Menawar, Sri Bija Diraja dan Seri Nara Diraja.

Sebagai sebuah novel berunsur sejarah, pengarang begitu setia dalam memilih beberapa peristiwa yang pernah dikisahkan dalam naskhah sejarah seperti *Sejarah Melayu*. Hal ini dapat dirujuk kepada Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6 yang menyerap peristiwa daripada *Sejarah Melayu*. Misalnya, Jadual 5 merupakan peristiwa Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Seri Bija Diraja kerana tidak mengadap baginda pada hari raya. Penelitian terhadap latar pula menyaksikan pengarang tetap menggunakan latar masa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini berdasarkan petikan-petikan yang terkandung dalam novel *Tun Tuah* seperti di bawah;

Pada penghujung tahun Masihi 1460, Laksamana Cheng Ho kesekian kalinya memimpin armadanya yang mengandungi lebih seribu kapal, kecil dan besar, belayar menuju ke alam Melayu. (*Tun Tuah*:77)

Ditakdirkan Allah, pada tahun 1477 Masihi, Sultan Mansur Syah mangkat. Baginda digantikan oleh anakanda baginda, Raja Hussein. Raja Hussein diberi gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah. (*Tun Tuah*:271)

Berdasarkan petikan-petikan di atas, pengarang sebenarnya menerangkan peristiwa-peristiwa yang diketengahkannya berlaku pada kurun ke-15. Penulis memasukkan tahun dalam novel *Tun Tuah* bagi merujuk kepada beberapa peristiwa. Secara tidak langsung, latar masa sekitar zaman Kesultanan Melayu Melaka dikekalkan dalam novel *Tun Tuah*. Latar tempat pula masih terikat dengan latar tempat yang sama seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* misalnya latar tempat seperti di Melaka berdasarkan Jadual 2 dan latar tempat di Kampar seperti Jadual 3. Berdasarkan pengalaman pembacaan, latar masyarakat dalam novel *Tun Tuah* meliputi masyarakat Melayu yang hidup pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dalam sistem pemerintahan beraja.

Sejarah Melayu merupakan teks yang begitu penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan bahasa yang digunakan pada zaman ini ialah bahasa Melayu klasik. Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail dan Mastura Mohamed Berawi (2014), menyatakan bahasa Melayu klasik berkembang dengan pesatnya dan melalui zaman kegemilangannya pada zaman kerajaan Melayu Melaka (1403-





1511) sebelum beralih kepada kerajaan Aceh dan akhirnya kerajaan Johor-Riau. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2015), pula menandakan zaman kerajaan Melaka merupakan zaman yang penting dalam perkembangan bahasa Melayu memandangkan bahasa Melayu sudah mempunyai tulisan sendiri, iaitu tulisan jawi dan perbendaharaan kata juga bertambah. Paling ketara, ciri-ciri bahasa Melayu klasik ialah mempunyai ayat yang meleret-leret seperti yang terkandung dalam Sejarah Melayu seperti berikut;

Adapun akan Laksamana Hang Tuah, barang tempat ia pergi, gegak-gempita bunyi orang daripada hebat melihat sikap lakunya. Jika ia di peseban, pesebang gempar, jika ia di panggungan, panggungan bergaduh, dan segala perempuan Jawa anak dara-dara, jikalau ia berjalan ke pasar atau barang ke mana, banyaklah yang gila akan Hang Tuah itu. (*Sejarah Melayu*: 114)

Ayat di atas menunjukkan sifat bahasa Melayu klasik pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ayat yang diungkapkan di dalam teks terlalu panjang dan tiada nokhtah bagi memisahkan beberapa ayat. Ayatnya bercirikan meleret, sedangkan ayat di atas mampu diungkapkan dengan lebih ringkas dengan menyampaikan secara terus isi cerita yang hendak disampaikan. Ayat di atas sebenarnya hanya mahu mengungkapkan keperibadian Hang Tuah sebagai seorang pahlawan yang berwibawa.

Sebagai seorang pengarang yang cakna dan kreatif, Affifuddin Omar telah melakukan perubahan dari aspek bahasa apabila tidak terikat dengan bahasa Melayu klasik walaupun novel *Tun Tuah* mengisahkan peristiwa pada zaman kegemilangan bahasa Melayu klasik. Penulis membawa kisah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan menggunakan bahasa Melayu moden yang biasa digunakan oleh masyarakat pada zaman sekarang. Ayatnya tidak meleret-leret dan mudah difahami. Misalnya seperti petikan di bawah;

"Ampun Tuanku!" sembah Tuah, "Semoga keamanan dan ketenteraman yang terpulih dapat menarik lebih banyak pedagang luar berniaga di sini! Patik ingin cadangkan Tuanku mewujudkan matawang emas dan perak sebagai alat pertukaran barangan supaya perniagaan boleh dilakukan dengan lebih senang dan cekap!" (*Tun Tuah*: 247)

Ayat di atas merupakan situasi apabila Tun Tuah memberi cadangan penggunaan matawang emas dan perak kepada sultan. Ayat yang digunakan bersifat langsung terus kepada yang ingin disampaikan tanpa terdapat sebarang kiasan. Secara tidak langsung, pembaca mudah memahami dan memenuhi sistem bahasa zaman semasa.

Ketika menulis novel *Tun Tuah*, pengarang pastinya mengalami pengalaman dalam merubah teks *Sejarah Melayu*. Berdasarkan pengalaman pembacaan terhadap *Sejarah Melayu*, pengarang telah memberi tafsiran baharu daripada perspektif penulis. Pengungkapan semula pengalaman teks sumber atau hipoteks akan melahirkan teks konvensional semata-mata. Mana Sikana (2006), mengklasifikasikan teks sebegini tidak akan dapat mencapai tahap keunggulan yang tinggi dalam proses kepengarangan.

Terdapat beberapa pembaharuan yang telah dilakukan oleh penulis dalam menghasilkan novel *Tun Tuah*. Misalnya peristiwa pelantikan Raja Menawar sebagai pemerintah di Kampar (rujuk Jadual 3). Pengarang turut mengemukakan peristiwa yang sama dalam novel *Tun Tuah*, walau bagaimanapun situasinya dalam keadaan yang berbeza seperti petikan di bawah;

Dengan takdir Allah SWT, Sultan Alauddin Riayat Syah menghembuskan nafas terakhir pada malam Jumaat pada tahun 1488 Masihi. Baginda mewasiatkan anakanda baginda Raja Mahmud menggantikan baginda dengan gelaran Sultan Mahmud Syah...Raja Menawar dihantar ke Kampar, Sumatera, menjadi Sultan di sana. (*Tun Tuah*: 296)





Menurut *Sejarah Melayu*, Raja Menawar dirajakan di Kampar ketika Sultan Alauddin masih menjadi pemerintah Melaka. Keadaan ini berbeza dengan yang terkandung dalam novel *Tun Tuah* apabila pengarang memanipulasikan situasinya. Pengarang menyerap peristiwa Raja Menawar dirajakan di Kampar tetapi situasinya setelah Sultan Alauddin mangkat. Perubahan seperti ini menjadikan hasil penulisan pengarang menyimpang daripada konvensional teks sastera sejarah. Petikan ini secara tidak langsung mencerminkan pemikiran pengarang dalam mengemukakan kepentingan wasiat yang begitu signifikan sebagai peranan dalam menentukan pewaris takhta.

KESIMPULAN

Sara Beden (2019), mengungkapkan bahawa sastera tidak terhasil dengan kekosongan atau kejahilan kerana sumber-sumber yang berlegar di persekitaran, pengalaman, pemerhatian, pembacaan, perenungan, dan penyelidikan dikongsi dan ditukangi sehingga menjadi kesatuan pemikiran. Implikasi terhadap pengalaman pembacaan hipoteks yang dikenal pasti, iaitu *Sejarah Melayu* telah memungkinkan novel *Tun Tuah* didasari dengan naratif cerita yang kukuh. Penghasilan novel berunsur sejarah seperti *Tun Tuah* dapat menyebarluaskan pengetahuan tentang sejarah masyarakat tempatan dalam kalangan generasi marcapada. Affifudin Omar selaku pengarang novel *Tun Tuah* memanfaatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah diangkat dalam naskhah sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu*. Walau bagaimanapun, pengarang tidak terlepas daripada mengaplikasikan kreativiti dalam mengeksplotasi data-data yang sedia ada dan mempersempahkan pemikirannya melalui pencerekaan baharu, di samping menjana keintelektualan khalayak pembaca. Menelusuri perbicaraan mengenai naratif yang menjalurkan alur penceritaan dalam novel berunsur sejarah *Tun Tuah*, dapat disimpulkan bahawa Affifudin Omar tidak terlepas daripada menjadikan hipoteks sastera sejarah sebagai sumber rujukan dalam membina struktur naratif pengkaryanya. Menyorot penelitian yang dilaksanakan, novel *Tun Tuah* mempunyai hubungan yang akrab dengan hipoteks *Sejarah Melayu* edisi Shellabear. Berdasarkan perincian tema, watak dan plot yang dihasilkan, novel *Tun Tuah* mengemukakan kesejajaran dengan hipoteks *Sejarah Melayu*. Walau bagaimanapun, Affifudin Omar menggembleng idea, kreativiti serta keupayaan kepengarangannya dalam mengolah pencerekaan dan memberikan suasana baharu melalui karya baharu menerusi novel *Tun Tuah* yang dihasilkan.

RUJUKAN

- A. Rahim Abdullah. (2008). *Novelis Nusantara: Ideologi dan pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. (2003). *Membina keunggulan tradisi sastera*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Affifuddin Omar. (2016). *Tun Tuah*. Kuala Lumpur: Afif Books Sdn. Bhd.
- Auni Ismail, Zairul Anuar Md. Dawan & Sim Chee Cheang. (2017). Subteks dan kejayaan naratif filem: Analisis filem *The Journey* (2014). *Gendang Alam*, 7, 115-136.
- Azhar Ibrahim. (2017). *Kemanusiaan sastera*. Kuala Lumpur: Pustaka Obscura.
- Boulton, M. (1975). *The anatomy of the novel*. London and Boston: Routledge & Kegan Paul.
- Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2016). Ruang, masa dan sebab akibat dalam naratif filem animasi Geng Pengembaraan Bermula. *Jurnal Melayu*, 15(2), 237-249.
- Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail & Mastura Mohamed Berawi. (2014). *Sejarah perkembangan Bahasa Melayu, perkamusan & terjemahan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.



- Krishanan Maniam. (1993). *Cerpen Tamil dan Melayu (1957-1970)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mawar Safei. (2005). Hipoteks sejarah dalam novel *Panglima Awang*. *Jurnal e-Bangi*, 1(1), 28-47.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat a/l Awang Deng. (2020). Mengindang kajian intertekstual dalam karya sastera Melayu: Suatu penelitian literatur. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 2 (1).
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazimah Zakaria. (2018). Daripada introspeksi diri kepada naratif merentasi zaman dan sempadan dalam karya A. Halim Ali. *Jurnal Melayu*, 17(2), 113-123.
- Nur Elyana Madah & Zairul Anwar Md Dawam. (2017). Analisis struktur naratif tiga babak Blake Synyder filem *Tenggelmnya KapaL Van Derwijck*. *Journal of Humanities, Languages, Culture and Business*, 4(1), 78-93.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel *Orang Kota Bharu*. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), 13 – 22.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.M. Zakir. (2014). Karya dan kekuasaan pengarang: Pemikiran dan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan. *Jurnal Melayu*, 12(1), 70-81.
- Safiah Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & Suhaimi Haji Muhammad (Ed.). *Glosari istilah kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 36-56.
- Shellabear, W, G. (2016). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2020). Strategi dan teknik naratif dalam novel *Jendela hati* karya Aisya Sofea. Dlm. Misran Rohimin, (Ed.) *Sastera popular: Antara komersialisme dengan intelektualisme* (ms. 345-371). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENGHARGAAN

***Penulisan kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah yang sedang diusahakan oleh penulis (Mohd Haniff Mohammad Yusoff) bersama penyelia (Dr. Rohaya Md Ali) dan Dr. Phat a/l Awang Deng) di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.**